

2 kontena pakaian percuma habis dalam sejam

Berita Harian (Mazoukol) 5/6/18 (Selasa) m/s: 68

(FOTO SHAHRINNAHAR LATIB /BH)



Pengunjung memilih pakaian yang diberi percuma pada Program Pasar Percuma Raya di UMP, Gambang, Kuantan, semalam.

Kuantan: Sebanyak dua kontena pakaian habis diedarkan kepada orang ramai dalam tempoh sejam sempena program Pasar Percuma Raya di Universiti Malaysia Pahang (UMP), Gambang di sini, semalam.

Antaranya adalah baju kurung, baju Melayu, kemeja, baju-T, pakaian kanak-kanak, tudung, seluar jeans dan beg tangan.

Presiden Persatuan Wanita UMP (MATAHARI), Profesor Datin Dr Mimi Sakinah Abdul Munaim, berkata program itu anjuran bersama Jabatan Hal Ehwal Pelajar & Alumni UMP bertujuan membantu golongan kurang berkemampuan mendapatkan pakaian sesuai.

"Hari ini (semalam), terdapat 600 pasang baju kurung, 50 pasang baju Melayu, 30 kotak baju-T dan pelbagai jenis lagi yang habis dalam tempoh tidak sampai sejam selepas program bermula jam 10.30 pagi.

"Kira-kira 1,000 orang membanjiri kawasan ini sejak jam 9 pagi untuk mengambil pakaian percuma dan rata-ratanya adalah penduduk setempat, penuntut dan kakitangan UMP," katanya ketika

ditemui pada program berkenaan semalam.

Yang hadir sama, Pengarah Program Pasar Percuma@UMP, Paridah Mohd Ali.

Galak hulur sumbangan

Mimi Sakinah berkata, semua pakaian berkenaan dikumpul sejak dua minggu lalu, hasil sumbangan orang ramai dan kakitangan UMP.

"Pasar percuma ini hanya menggunakan senyuman dan ucapan terima kasih tanpa sebarang urusan niaga membabitkan wang ringgit. Ini sebahagian usaha menggalakkan orang ramai menyumbang," katanya.

Sementara itu, pengunjung, Azhar Abdul Aziz, 52, berkata, dia dan dua ahli keluarganya ke pasar itu sejak jam 9 pagi untuk mendapatkan pakaian percuma.

"Bagus buat program seperti ini kerana secara tidak langsung dapat membantu mengurangkan beban golongan kurang berkemampuan dalam buat persiapan Aidilfitri," katanya di Sungai Rasau, di sini.



Pasar percuma ini hanya menggunakan senyuman dan ucapan terima kasih tanpa sebarang urusan niaga membabitkan wang ringgit. Ini sebahagian usaha menggalakkan orang ramai menyumbang"

**Mimi Sakinah
Abdul Munaim,**
Presiden MATAHARI